

03/07/2001

Eurofine terbit dokumentari Wanita Asean

Akmal Abdullah

PEMBABITAN wanita di rantau ini dalam pelbagai sektor kerjaya, sumbangan kepada sosiobudaya dan ekonomi negara divisualkan oleh Eurofine (M) Sdn Bhd dalam usaha memaparkan betapa kegigihan kaum Hawa wajar diketahui ramai.

Siri dokumentari berjudul Wanita Asean menjadi pelopor kepada usaha mendedahkan pelbagai kegiatan wanita yang tidak sama berbanding satu negara dengan negara lain, sekali gus mampu memberi pengetahuan berguna.

Ia kini sedang disiapkan oleh syarikat penerbitan itu yang merintis kepada usaha menyelongkar gaya hidup, kehidupan sosial, sistem budaya dan tugas wanita di seluruh negara Asean.

Wanita Asean dijangka disiarkan menerusi TV1 tidak lama lagi.

Rancangan itu bukan sekadar memaparkan betapa gigihnya wanita di negara rantau ini bekerja untuk meningkatkan taraf ekonomi keluarga, malahan melangkaui usaha untuk sama-sama membangunkan negara mereka.

Penerbit Eksekutif rancangan itu, Azlina Mohd Din, berkata rancangan itu adalah dokumentari berbentuk majalah yang cuba memberi fokus kepada kegiatan wanita di Asean mengikut budaya, cara hidup dan negara masing-masing.

"Ini adalah idea Eurofine sendiri selepas kita menyahut kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad iaitu hubungan negara Asean adalah rapat dan wajar rakyatnya juga dirapatkan hubungannya dengan kita.

"Adanya gambaran mengenai wanita di negara boleh memberi pendedahan kepada masyarakat di negara ini untuk mengetahui serba ringkas apa yang berlaku di kalangan wanita negara lain.

"Ini boleh mendekatkan penduduk negara ini dengan masyarakat Asean. Buat masa ini kita sudah menjalani penggambaran untuk musim pertama bagi Indonesia dan Kemboja, selain di Malaysia.

"Kita akan jelajahi semua negara Asean lain. Setiap satu negara akan disiapkan lima episod bagi musim awalnya. Kita cuba memberi perspektif wanita negara Asean yang gigih bekerja dan menjalani kehidupan mereka yang wajar diteladani.

"Topiknya menyentuh mengenai kehidupan, kegiatan ekonomi, kerjaya, gaya hidup dan sedikit mengenai budaya. Setiap akhir episod rancangan ini akan dimuatkan petua seorang penyanyi terkenal sebagai role model wanita berjaya," kata Azlina ketika ditemui di pejabat Eurofine di Nilai, Negeri Sembilan, Sabtu lalu.

Sementara itu, pengarah siri Wanita Asean Versi Indonesia, Jack Ad'Din berkata banyak rahsia kehidupan dan kegigihan wanita di negara bekas tanah jajahan Belanda itu mampu memberi kesedaran kepada penonton.

"Satu kesimpulan yang dibuktikan ialah wanita di sana cukup gigih bekerja, tekun melakukan kerjaya mereka meskipun kelihatan rumit. Pengalaman berada di sana banyak memberi kesedaran bahawa kita selama ini tidak tahu paa yang berlaku di kalangan jiran kita.

"Kami berada di kepulauan Jawa selama sebulan untuk merakam pelbagai gaya hidup dan kerjaya wanita di sana termasuk yang bekerja sebagai pengusaha dan penjual jamu, pelukis batik, penari, pelakon, penyanyi, petani dan penjaja jalanan.

"Tinjauan kami dibuat di sekitar kota Jakarta, Tasik Malaya, Bogor, Bandung, Bandung, Jogjakarta dan Solo," katanya.

(END)